



[METHODS OF MEMORIZING *MUTASHABIHAT* VERSES: STUDY IN DARUL QURAN, JAKIM AND DEPARTMENT OF AL-QURAN AND AL-QIRAAAT KUIS]

KAEDAH MENGHAFAZ AYAT *MUTASHABIHAT* DI KALANGAN PELAJAR TAHFIZ: KAJIAN DI DARUL QURAN JAKIM DAN JABATAN AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT KUIS

ABD MUHAIMIN AHMAD,¹ MUHAMMAD HAFIZ SALEH,¹ MUHAMMAD ARIF MUSA,¹
NORAZMAN ALIAS¹ & KHAIRUL ANUAR MUHAMMAD¹

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
e-mail: muhaimin@usim.edu.my

*Corresponding Author: muhaimin@usim.edu.my

Received Date: 15 November 2021 • Accepted Date: 1 December 2021

Abstract

There are challenges in memorizing the Quran and therefore it requires an effective and systematic method to facilitate students to memorize as well to retain the Quran. Among the biggest challenge faced by a student is to remember the *mutashabihat* verses which appear to be like one another. The difficulty in memorizing and remembering the mutashabih lafaz verses requires specific teaching and learning methods from the institutions of tahfiz, teachers and students. However, how far this matter is addressed seriously at the institutional of tahfiz is still questionable. Therefore, the objective of the study is to identify the methods of memorization among students tahfiz on the mutashabih lafaz verse, by making Darul Quran Jakim and Department of al-Quran and al-Qiraat, KUIS as research locations. This study was developed based on qualitative method using semi structured interviews as research instrument. 30 tahfiz students from both institutions were selected as participants. The study found that the most frequently methods used were; 1. Identifying the *mutashabihat* verses and making relevant notes during the memorization and revision sessions, 2. Referring to Quranic exegesis or translation to understand the meaning of the verses, 3. Repeating as much as possible with a focus on the *mutashabihat* verses. The study also found that no specific reference or book was used in both institutions to overcome the difficulty of memorizing the *mutashabihat* verses.

Keywords: *Mutashabihat* verses, Darul Quran, Quranic memorisation, KUIS

Abstrak

Menghafaz al-Quran mempunyai cabaran yang memerlukan kaedah hafazan yang berkesan dan sistematis bagi membantu proses menghafaz dan menjaganya dari lupa. Di antara kesukaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingati ayat-ayat *mutashabihat*, iaitu ayat-ayat al-Quran yang sama atau hampir sama dari sudut lafaznya. Kesukaran dalam menghafaz

dan mengingati ayat-ayat *mutashabihat* ini menuntut kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran khusus sama ada dari pihak institusi tahniz, guru dan juga pelajar. Namun sejauh mana perkara ini ditangani secara serius di peringkat institusi pengajian tahniz masih menimbulkan tanda tanya. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kaedah hafazan di kalangan pelajar tahniz al-Quran terhadap ayat *mutashabihat*, dengan menjadikan Darul Quran Jakim dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat KUIS sebagai lokasi kajian. Kajian ini dibina berdasarkan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. 30 orang pelajar tahniz daripada dua institusi tersebut dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini mendapat bahawa kaedah yang paling kerap digunakan ialah; 1. Kaedah mengenal pasti ayat *mutashabihat* dan membuat catatan berkaitannya ketika sesi menghafaz dan mengulang hafazan 2. Kaedah merujuk kepada tafsir atau terjemahan bagi memahami maksud ayat yang dihafaz, 3. Kaedah pengulangan sebanyak mungkin berserta fokus terhadap ayat *mutashabihat*. Kajian ini juga mendapat bahawa tiada bahan rujukan khusus digunakan di dua institusi pengajian ini bagi menangani kesukaran menghafaz dan mengingati ayat *mutashabihat* meskipun permasalahan berkaitannya adalah sangat jelas.

Keywords: Ayat *Mutashabihat*, Darul Quran, Hafazan al-Quran, KUIS

Cite as: Abd Muhammin Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh, Muhammad Arif Musa, Norazman Alias & Khairul Anuar Muhammad. 2021. [Methods of memorizing *mutashabihat* verses: Study in Darul Quran, JAKIM and Department of al-Quran and al-Qiraat KUIS] Kaedah menghafaz ayat *mutashabihat* di kalangan pelajar tahniz: Kajian di Darul Quran JAKIM dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat KUIS. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 77-85.

PENGENALAN

Ayat *mutashabihat* di dalam al-Quran merupakan ayat yang berulang dengan lafaz yang hampir sama tetapi berbeza sama ada secara pendahuluan (*taqdim*) atau pengakhiran (*ta'khir*), penambahan (*ziyadah*) atau pengurangan (*naqs*), dan penukaran (*ibdal*) huruf atau kalimah (al-Iskafi, 2012; al-Kirmani, t.t; Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003).

Di antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingati ayat-ayat *mutashabihat* (Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003). Cabaran ini bertambah besar dengan jumlah ayat *mutashabihat* yang amat banyak. al-Warraqi (t.t) menyatakan bilangan ayat tersebut melebihi 1200 ayat. Manakala Muhammad Talhah Bilal (2003) pula menyatakan bahawa bilangan tempat yang berlakunya persamaan pada ayat *mutashabihat* ialah sebanyak 7500 tempat menurut apa yang dihimpunkan oleh Abd Halim al-Jashti.

KAJIAN LITERATUR

Menghafaz al-Quran mempunyai cabaran dan kesukaran yang memerlukan kepada kaedah hafazan yang berkesan dan bersistematis bagi membantu dan memudahkan proses menghafaz dan menjaganya dari lupa (Mohd Fazri, 1999). Di antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh penghafaz al-Quran adalah mengingati ayat-ayat *mutashabihat*, iaitu ayat-ayat al-Quran yang sama atau hampir sama pada sudut lafaznya (Ahmad Khalid Shukri & al-'Auratani, 2003).

Kenyataan ini disokong oleh Abdul Hafiz et.al (2005) menerusi kajian beliau yang mendapati bahawa 60% daripada 368 orang responden kajian yang dilakukan di Institut al-Quran Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Terengganu bersetuju bahawa ayat-ayat *mutashabihat* yang banyak terdapat dalam al-Quran seperti dalam surah al-Waqi‘ah, Yasin dan sebagainya boleh menyebabkan kekeliruan kepada pelajar. Seramai 90% responden kajian tersebut bersetuju bahawa menjadi kewajipan bagi setiap penghafaz memberi perhatian pada tempat-tempat yang terdapat ayat *mutashabihat* supaya tidak berlaku kekeliruan (Abdul Hafiz et.al, 2005).

Di antara kaedah yang disarankan untuk memantapkan hafazan ayat-ayat *mutashabihat* ini adalah dengan melakukan catatan pada mushaf atau buku log khusus, bagi mengenal pasti kumpulan ayat-ayat *mutashabihat* tersebut dan memudahkan rujukan sekiranya berlaku kekeliruan dan kelupaan (Ahmad Khalid Shukri & al-‘Auratani, 2003; Muhammad Talhah, 2003).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kaedah-kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pelajar tahnif al-Quran dengan penekanan kepada kaedah hafazan ayat *mutashabihat*. Kajian ini penting dalam usaha merangka kaedah pembelajaran yang efektif bagi memantapkan hafazan al-Quran pelajar tahnif.

PERMASALAHAN KAJIAN

Isu kesukaran menghafaz ayat-ayat *mutashabihat* telah dikemukakan oleh para ulama’ sejak dahulu lagi. Kajian-kajian terkini turut membuktikan bahawa penguasaan pelajar adalah lemah dalam aspek hafazan al-Quran (Azmil, 2010; Shahrulkarnain, 2015),

Di dalam kajian yang lain menyatakan bahawa majoriti pelajar tahnif berada di tahap lemah dan menghadapi masalah dalam menghafaz ayat-ayat *mutashabihat*. Masalah ini dapat dilihat menerusi keraguan pelajar dalam bacaan hafazan mereka seperti tertukar baris serta ayat dan hanya sebilangan kecil pelajar mampu menguasai ayat *mutashabihat*. Kesan pencapaian yang lemah ini dapat dilihat pada keputusan peperiksaan, apabila hanya sebahagian kecil pelajar sahaja yang lulus dengan cemerlang, sebahagian besar lulus dengan tahap sederhana dan terdapat sebahagian kecil pelajar yang tidak lulus kursus hafazan al-Quran (Abd Muhaimin et.al, 2019).

Ini jelas menunjukkan bahawa penguasaan hafazan al-Quran yang cemerlang sangat berkait rapat dengan kemampuan pelajar menguasai ayat *mutashabihat* yang terdapat di dalam al-Quran. Penguasaan hafazan yang lemah terhadap ayat *mutashabihat* akan menyebabkan seseorang lupa atau melakukan kesilapan ketika membaca al-Quran (Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail & Zaharah Hussin, 2018)

Namun sejauh mana perkara ini ditangani secara serius di peringkat institusi pengajian tahnif masih menimbulkan tanda tanya. Isu dan cabaran yang besar ini menuntut pihak institusi, guru dan juga pelajar menggunakan kaedah dan metodologi pembelajaran yang efektif dan khusus bagi memantapkan kualiti hafazan al-Quran pelajar.

Meskipun terdapat kajian literatur yang menyarankan penghafaz al-Quran melakukan catatan pada mushaf atau buku log khusus sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa penulis seperti Ahmad Khalid Shukri & al-‘Auratani (2003) serta Muhammad Talhah (2003), namun ia masih tidak menjelaskan secara holistik kaedah pembelajaran ketika menghafaz dan

mengulangkaji ayat-ayat *mutashabihat* yang dipraktikkan oleh pelajar aliran tafsir khususnya di Malaysia.

OBJEKTIF

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kaedah hafazan dengan memberi tumpuan terhadap pasti kaedah pembelajaran yang digunakan oleh pelajar tafsir al-Quran dalam menghafaz ayat *mutashabihat* dengan menjadikan Darul Quran JAKIM dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai lokasi kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Peserta kajian terdiri daripada 30 pelajar tafsir al-Quran yang telah khatam hafazan, dengan 15 orang daripada mereka merupakan pelajar Darul Quran JAKIM, manakala 15 orang yang lain merupakan pelajar Jabatan al-Quran dan al-Qiraat, KUIS. Justifikasi pemilihan peserta adalah kerana mereka telah melalui proses menghafaz keseluruhan al-Quran di institusi yang menawarkan kurikulum hafazan al-Quran 30 juzuk, kerana ia memberikan mereka gambaran dan senario yang jelas berkaitan hafazan ayat *mutashabihat* dalam hafazan al-Quran.

Kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kaedah yang digunakan dalam menangani cabaran dan kesukaran mengingati dan membezakan ayat-ayat *mutashabihat*. Setiap peserta kajian diajukan tujuh (7) soalan berkaitan pemahaman mereka terhadap maksud ayat *mutashabihat*, kaedah hafazan yang digunakan sewaktu menghafaz ayat *mutashabihat*, kaedah tasmik ayat *mutashabihat*, kaedah catatan yang digunakan pelajar ketika menghafaz ayat *mutashabihat*, penggunaan buku rujukan berkaitan ayat *mutashabihat* dan cadangan bagi meningkatkan prestasi pelajar dalam mengingati ayat *mutashabihat*.

DAPATAN KAJIAN

Kandungan temubual yang telah dijalankan dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkaitan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pelajar daripada dua buah institusi tafsir iaitu Darul Quran JAKIM dan Jabatan al-Quran dan al-Qiraat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan seperti berikut:

Pemahaman mereka terhadap maksud ayat *mutashabihat*

Berdasarkan temubual yang dijalankan, majoriti peserta kajian, iaitu 21 orang peserta dapat memberikan maksud ayat *mutashabihat* dengan betul. Walau bagaimanapun, terdapat seramai tujuh orang pelajar yang keliru antara ayat *mutashabihat* lafaz dengan *mutashabih* makna. Namun, setelah diberikan penerangan, pelajar jelas maksud perkara tersebut. Terdapat juga dua orang pelajar yang tidak jelas dan tidak dapat memberikan definisi ayat *mutashabihat*. Kebanyakan pelajar yang ditanya dapat memberikan contoh yang betul.

Kaedah yang digunakan pelajar dalam menghafaz ayat *mutashabihat*.

Kaedah yang paling kerap digunakan ialah kaedah mengenal pasti ayat *mutashabihat* dan membuat catatan berkaitannya. Ia dinyatakan oleh 18 orang peserta kajian ini apabila mereka mencatat butiran ayat seperti muka surat, surah, nombor ayat, juzuk dan kalimah atau huruf yang menjadi perbezaan di antara ayat *mutashabihat*. Catatan ini memudahkan pelajar untuk merujuk ayat *mutashabihat* yang hampir sama ketika mereka keliru semasa mengulang hafazan.

Manakala lapan peserta kajian menyatakan mereka merujuk kepada terjemahan atau tafsir. Hal ini dilakukan kerana mereka mendapat apabila memahami maksud ayat yang dihafaz, ia mampu diingati dengan lebih mudah.

Di samping itu, seramai enam peserta kajian turut menggunakan kaedah pengulangan sebanyak mungkin berserta fokus terhadap ayat *mutashabihat*. Manakala dua peserta kajian tidak menggunakan sebarang kaedah khusus dalam menangani kesukaran menghafaz ayat *mutashabihat* dan mereka hanya menggunakan kaedah biasa sebagaimana yang digunakan untuk menghafaz ayat-ayat yang lain.

Kaedah *tasmik* ayat *mutashabihat*.

20 orang peserta kajian menyatakan tiada penekanan khusus diberikan kepada ayat *mutashabihat* ketika sesi *tasmik* berlangsung. Manakala lapan peserta kajian menyatakan bahawa guru mereka memberikan penerangan berkaitan ayat *mutashabihat* di dalam sesi *tasmik*, namun kekerapan ia dilakukan adalah jarang. Mereka mengakui menerima teguran semasa *tasmik* berkenaan ayat *mutashabihat*. Antara kaedah teguran yang sering digunakan ialah dengan mengingatkan akan kedudukan sebenar ayat *mutashabihat* dan memberitahu surah sebenar ayat *mutashabihat* yang tersilap dibaca.

Seramai empat peserta kajian menyatakan bahawa mereka mengambil inisiatif kendiri dengan memberi penekanan dan perhatian terhadap ayat *mutashabih* ketika *tasmik*. Di samping itu, terdapat juga dua orang peserta kajian yang mendapat penjelasan dan penekanan tentang ayat *mutashabihat* daripada rakan.

Kaedah pengulangan (i'adah) ayat *mutashabihat*.

Dapatan temubual menunjukkan bahawa peserta kajian menggunakan pelbagai kaedah dalam mengulang ayat *mutashabihat*. Kaedah yang paling popular dan sering digunakan oleh pelajar adalah dengan merujuk catatan berkaitan ayat-ayat tersebut, apabila kaedah ini digunakan oleh seramai 16 orang peserta kajian.

Seramai 10 orang peserta kajian menyatakan bahawa mereka melakukan pengulangan dengan sangat kerap dan lebih berfokus bagi ayat *mutashabihat*. Manakala lapan orang peserta kajian menggunakan kaedah merujuk kepada tafsir ketika mengulang bagi memahami maksud ayat-ayat tersebut. Di samping itu, terdapat juga kaedah lain yang digunakan oleh pelajar iaitu kedah bantuan semakan rakan ketika mengulang hafazan (lima orang peserta), dan kaedah mendengar bacaan audio al-Quran (seorang peserta).

Terdapat juga dua orang peserta kajian yang tidak menggunakan sebarang kaedah khusus dalam mengulang hafazan ayat-ayat *mutashabihat* dan mereka hanya menggunakan kaedah yang biasa seperti mana ayat-ayat yang lain.

Kaedah tulisan/catatan kendiri.

Majoriti pelajar akan membuat catatan atau penulisan bagi membantu mereka mengingati ayat-ayat *mutashabihat*. Hanya 10 orang pelajar tidak melakukan sebarang bentuk catatan pada mana-mana medium. Selebihnya pelajar mempunyai gaya catatan yang tersendiri. Seramai 10 orang pelajar membuat catatan di mushaf mereka sama ada al-Quran, terjemahan mahupun tafsir.

Tidak ketinggalan, terdapat dua orang pelajar membuat catatan dan penulisan dalam sebuah buku khas. Manakala tujuh orang lagi membuat penulisan dan catatan di atas kertas. Dua daripadanya menyatakan bahawa kertas tersebut kemudiannya akan ditampal di dalam mushaf al-Quran berdasarkan muka surat yang berkenaan. Terdapat juga seorang pelajar yang menggunakan kertas pelekat (*sticky note*) untuk membuat catatan dan menampalnya di dalam al-Quran.

Kebanyakan pelajar akan membuat catatan yang mengandungi nombor ayat, muka surat, surah, juzuk dan *maqra'*. Bentuk catatan lain termasuklah garisan, membulatkan, menomborkan serta menanda kesilapan hafazan dalam ayat *mutashabihat*. Selain itu, ada juga pelajar yang menyenaraikan ayat *mutashabihat* dan menyalin semula ayat *mutashabihat*.

Penggunaan rujukan berkaitan ayat *mutashabihat*.

Dari aspek bahan rujukan, semua peserta kajian bersepakat menyatakan bahawa tiada ketetapan buku rujukan secara rasmi mahupun tidak rasmi bagi kedua-dua institusi pengajian. Walaupun begitu majoriti pelajar mengetahui adanya buku ataupun mushaf khas untuk hafazan ayat-ayat *mutashabihat*. Seramai 13 orang pelajar pernah melihat buku-buku tersebut, namun hanya segelintir pernah menggunakan dan mengingati nama buku tersebut. Tidak ketinggalan, empat orang pelajar menyatakan pernah mendengar tentang buku tersebut melalui rakan-rakan dan persatuan pelajar.

Pandangan/Cadangan Penambahbaikan.

Seramai 14 orang peserta kajian mencadangkan kaedah catatan dan penulisan sama ada pada mushaf, buku nota atau kertas bagi membantu hafazan ayat *mutashabihat*. Catatan ini juga boleh ditampal di mushaf dan mana-mana tempat yang bersesuaian seperti meja belajar. Di samping itu tiga orang peserta kajian ini turut mencadangkan ayat *mutashabihat* ini disenaraikan dan dibukukan.

Seterusnya, seramai tujuh orang peserta mencadangkan kaedah pengulangan berfokus terhadap ayat *mutashabihat* bagi memantapkan hafazan. Manakala empat peserta kajian mencadangkan kaedah rujukan tafsir dan terjemahan bagi membantu mereka mengingati ayat *mutashabihat* dengan lebih baik dengan memahami cerita di sebalik ayat-ayat tersebut.

Tiga orang pelajar juga merasakan perlunya penekanan dan penjelasan daripada guru sewaktu tasmik bagi meningkatkan prestasi hafazan ayat *mutashabihat*. Teknik soalan rawak (tebuk) juga turut dicadangkan. Cadangan lain yang diutarakan termasuklah mengadakan seminar ayat *mutashabihat*, menghafal kepala ayat bagi ayat *mutashabihat* yang panjang, bercerita kepada rakan, kelas tafsir berdasarkan ayat *mutashabihat*, pertandingan hafalan ayat *mutashabihat* dan mengadakan kelas khas pada hujung minggu untuk ayat-ayat *mutashabihat* sahaja.

PERBINCANGAN

Majoriti peserta kajian memahami maksud ayat *mutashabihat* dengan baik dan menyedari cabaran dan kesukaran dalam menghafaz ayat-ayat tersebut dengan jelas. Dapatan temubual menunjukkan bahawa setiap peserta kajian menggunakan pelbagai kaedah dalam menghafaz, tasmik dan mengulang ayat *mutashabihat*.

Di dalam aspek menghafaz ayat *mutashabihat*, pelajar menggunakan tiga kaedah dalam menghafaz ayat *mutashabihat*. Kaedah yang paling kerap digunakan ialah kaedah mengenal pasti ayat *mutashabihat* dan membuat catatan berkaitannya seperti muka surat, surah, nombor ayat, juzuk dan kalimah atau huruf yang menjadi perbezaan di antara ayat *mutashabihat*. Di samping kaedah ini, para peserta juga turut menggunakan kaedah kedua iaitu rujukan kepada tafsir atau terjemahan kerana pemahaman terhadap maksud ayat yang dihafaz mampu membantu pelajar mengingati ayat dengan lebih baik. Di samping itu, kaedah pengulangan sebanyak mungkin berserta fokus terhadap ayat *mutashabihat* turut membantu pelajar.

Di dalam aspek *tasmik*, penambahbaikan perlu dilakukan dalam aspek ini kerana majoriti peserta kajian menyatakan tiada penekanan khusus diberikan kepada ayat *mutashabihat* ketika sesi *tasmik*, dan penerangan berkaitan ayat *mutashabihat* di dalam sesi *tasmik* adalah jarang. Respons peserta pelajar ini adalah selari dengan respons pensyarah tahfiz yang menyatakan tiada kaedah rasmi khusus dalam pengajaran ayat *mutashabihat* di dalam sesi *tasmik* dan sekiranya ada ia bergantung kepada penekanan pensyarah secara individu (Abd Muhamimin et.al, 2019).

Di antara kaedah yang sedia ada dipraktikkan adalah peringatan kedudukan sebenar ayat *mutashabihat* yang tersilap dibaca serta inisiatif kendiri dengan memberi penekanan dan perhatian terhadap ayat *mutashabih* ketika sesi *tasmik* bersama guru ataupun rakan.

Di dalam aspek mengulang ayat *mutashabihat*, pelajar menggunakan lima kaedah. Kaedah yang paling popular dan sering digunakan oleh pelajar adalah dengan merujuk catatan berkaitan ayat-ayat tersebut sama ada catatan tersebut dibuat di mushaf mereka, buku khas, kertas yang ditampal di dalam mushaf al-Quran berdasarkan muka surat yang berkenaan, serta kertas pelekat (*sticky note*) dan menampalnya di dalam al-Quran.

Di samping kaedah yang popular ini, mereka melakukan pengulangan dengan sangat kerap dan lebih berfokus bagi ayat *mutashabihat*, kaedah merujuk kepada tafsir ketika mengulang bagi memahami maksud ayat-ayat tersebut, kedah bantuan semakan rakan ketika mengulang hafazan dan kaedah mendengar bacaan audio al-Quran.

Di dalam aspek penggunaan rujukan, sebahagian pelajar menyedari kewujudan buku dan mushaf khusus yang menerangkan ayat *mutashabihat*, namun hanya mereka tidak menggunakan rujukan ini secara konsisten sehingga mereka tidak dapat mengingati dan

menyebut nama buku-buku tersebut dengan baik. Manakala sebahagian yang lain pula mereka mengakui langsung tidak mengetahui kewujudan rujukan tersebut.

Para pelajar memberikan pelbagai cadangan dan pandangan bagi meningkatkan prestasi hafazan pelajar terutamanya berkaitan ayat *mutashabihat*. Kebanyakan cadangan berpusatkan pelajar seperti kaedah catatan dan penulisan sama ada pada mushaf, buku nota atau kertas bagi membantu hafazan ayat *mutashabihat*, di samping kaedah pengulangan berfokus terhadap ayat *mutashabihat* bagi memantapkan hafazan, serta kaedah rujukan tafsir dan terjemahan bagi membantu mereka mengingati ayat *mutashabihat* dengan lebih baik dengan memahami cerita di sebalik ayat-ayat tersebut.

Di samping, terdapat juga beberapa cadangan yang perlu direalisasikan oleh guru dan pihak institusi seperti cadangan ayat *mutashabihat* ini disenaraikan dan dibukukan, penekanan dan penjelasan daripada guru sewaktu *tasmik* dan mengadakan seminar ayat *mutashabihat*.

KESIMPULAN

Sebagai penutup, kajian ini menyimpulkan bahawa semua peserta kajian menyedari kesukaran dan cabaran dalam menghafaz ayat-ayat *mutashabihat*. Kaedah yang paling banyak digunakan oleh majoriti pelajar dalam menangani kesukaran ini sama ada ketika menghafaz atau mengulangkaji hafazan adalah kaedah catatan ayat *mutashabihat* sama ada di dalam mushaf, buku atau kertas khusus. Di dalam rangka usaha memantapkan kaedah ini, pihak institusi dicadangkan untuk menggunakan secara rasmi kitab-kitab yang menghimpunkan ayat-ayat *mutashabihat* dalam kurikulum tahniz mereka. Sebagai tambahan, pengulangan berfokus dan memahami maksud ayat *mutashabihat* turut menjadi kaedah pilihan popular pelajar. Selain itu penekanan harus diberikan oleh guru terhadap penerangan berkaitan ayat *mutashabihat* dalam sesi pengajaran sekiranya pelajar melakukan kesilapan bacaan pada ayat-ayat tersebut kerana tidak semua pelajar memberikan penekanan terhadapnya ketika menghafaz dan mengingati ayat-ayat tersebut.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada geran penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia yang bertajuk: PEMBANGUNAN RUJUKAN AYAT MUTASHABIH LAFAZ BAGI PENGUKUHAN HAFAZAN HUFFAZ al-QURAN DI MALAYSIA, Kod Penyelidikan: PPPI/FPQS/0119/051000/16219. Penghargaan juga kepada pelajar Darul Quran Jakim dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang menjadi peserta kajian ini.

RUJUKAN

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat. (2005). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia. 206-210.

- Ahmad, A.M., Saleh, M.H., Musa, M.A., Mohd Raus, N. and Muhammad, K.A. (2019) Penambahbaikan Pengajaran Hafazan Ayat Mutashabih Lafaz: Kajian Di Darul Quran, JAKIM Dan Jabatan al-Quran Dan al-Qiraat KUIS. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 13, 2 (Feb. 2019), 54-60.
- Ahmad Khalid Shukri & Firas al-'Auratani. (2003). *I'anah al-Murid li Hifzi al-Quran al-Majid*. Amman: Jam'iyyah al-Muhafazah 'ala al-Qur'an al-Karim.
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. (2014). Kajian Mengenai Hubungan Antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan al Qur'an Para Pelajar. UPSI: Jurnal Perpektif. Issue 2. 15-25.
- Azmil, H. (2010). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. Bangi: Univeriti Kebangsaan Malaysia.
- al-Gharnati, Ahmad bin Ibrahim. (1971). *Milak al-Ta'wil*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Iskafi, Muhammad bin 'Abd Allah. (2001). *Durrat al-Tanzil wa Ghurrah al-Ta'wil*. Makkah al-Mukarramah: Ma'had al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- al-Kirmani, Mahmud bin Hamzah. (t.th). *Asrar al-Tikrar fi al-Qur'an*. Dar al-Fadhilah.
- Muhammad Hafiz Saleh, Zawawi Ismail & Zaharah Hussin. (2018). Model Penilaian Program Tahfiz al-Quran Di Nusantara Berdasarkan Model Penilaian Probus (Discrepancy Evaluation Model). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 5(2): 64-75.
- Muhammad Talhah Bilal. (2003). *I'anah al-Huffaz li al-Ayat al-Mutashbihah al-Alfaz*. Jeddah: al-Hai'ah al-'Alamiyyah li Tahfiz al-Qur'an al-Karim.
- Shahrulkarnain. (2015). Program sijil tahfiz al-Quran Darul Quran JAKIM-Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Analisis terhadap pencapaian hafazan dan permasalahannya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- al-Warraqiyy, Abdullah Abdul Hamid. (t.th.). *Ighasah al-Luhfan Fi Dabit Mutasyabih al-Quran*. Iskandariah: Dar al-Iman.